

17 JUN 2002

Kayveas-Inggeris/I

PENGUASAAN BAHASA INGGERIS AKAN MENINGKATKAN KEDUDUKAN ORANG MELAYU

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Penggunaan bahasa Inggeris dalam pembelajaran mata pelajaran sains dan matematik di sekolah akan meningkatkan kedudukan orang Melayu di negara ini dan tidak akan sekali-kali menurunkan martabat bahasa kebangsaan, kata presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) Datuk M. Kayveas hari ini.

Penguasaan bahasa Inggeris oleh orang Melayu bukan sahaja membolehkan mereka berjaya di arena antarabangsa tetapi juga akan meningkatkan lagi imej negara ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Besar Terengganu yang juga timbalan presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang semalam bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran sains dan matematik akan menurunkan martabat bahasa kebangsaan dan ia menunjukkan negara kembali ke zaman penjajah.

"Ia sekali-kali tidak akan menurunkan martabat bahasa Melayu. Malah, ia akan menjadikan orang Melayu lebih berjaya dan berkemampuan menghadapi cabaran pada masa akan datang," kata Kayveas kepada Bernama.

Di samping itu, kata beliau, bahasa kebangsaan juga akan terus memainkan peranannya dan berkembang maju kerana semua mata pelajaran lain akan diajar dalam bahasa itu dan majlis-majlis kerajaan akan tetap menggunakan bahasa kebangsaan.

Beliau berkata, sekiranya orang Melayu cekap dalam penggunaan bahasa Inggeris, secara tidak langsung ia akan menaikkan taraf bangsa lain kerana orang Melayu adalah penduduk majoriti negara ini.

Kayveas menyelar PAS dengan berkata parti pembangkang itu bimbang kerana apabila lebih banyak orang Melayu, khususnya di luar bandar, mampu menguasai bahasa Inggeris, "mereka tidak mahu lagi hidup di bawah tempurung PAS".

"PAS hanya mahu memperdaya penduduk luar bandar sedapat yang mungkin dan apabila Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) mencadangkan penggunaan bahasa Inggeris, mereka bimbang orang yang mereka tipu selama ini akan bangkit menentang mereka," katanya.

Kayveas berkata, apabila masyarakat luar bandar cekap menggunakan bahasa Inggeris, mereka akan meminta bahan-bahan bacaan dalam bahasa itu bagi membuka mata mereka tentang apa yang berlaku di negara lain.

-- BERNAMA

SR AHH JK SP